


AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

HARI : KHAMIS

TARIKH : 27 OKTOBER 2005

## Institut kanser RM2b -- Dibina di Putrajaya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan

 Thursday, 27 October 2005

### Utusan Malaysia

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Kerajaan akan membina Institut Kanser Negara di Putrajaya dengan kos RM2 bilion bagi menyediakan kemudahan rawatan moden selain menjalankan kajian mengenai penyakit kanser. Perbelanjaan awal akan melibatkan RM300 juta dan institut itu akan menjadi sebahagian daripada proses pembesaran Hospital Putrajaya.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff Ahmad berkata, kementerian telah memasukkan projek institut kanser itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Setakat ini negara telah mempunyai Institut Jantung Negara (IJN) bagi rawatan berkaitan jantung dan beberapa penyelidikannya telah diiktiraf dunia.

Dr. Abdul Latiff berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Dewan Rakyat Isnin lalu supaya negara berusaha meningkatkan tahap rawatan kanser supaya rakyat dapat memperoleh ubat dengan harga yang berpatutan. Ditanya mengenai kemudahan rawatan bagi penyakit kanser, beliau berkata, negara mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk merawat penyakit itu.

Katanya, masalah yang dihadapi oleh pesakit kanser bukanlah kemudahan, tetapi kos rawatan, perubatan dan ubat-ubatan yang tinggi. "Sebagai contoh, rawatan kemoterapi memerlukan perbelanjaan sebanyak AS\$10,000 dolar (RM37,000) bagi satu ampoule.

Tidak ada sesiapa yang akan mampu menanggung perbelanjaan sebanyak itu," katanya. Dr. Abdul Latiff berkata, kerajaan sedar masalah itu dan menyarankan pusat pengajian tinggi termasuk universiti dan pusat penyelidikan awam dan swasta meningkatkan kajian mengenai penyakit kanser.

Katanya, sudah sampai masanya, universiti dan pusat penyelidikan di negara ini menjalankan kajian intensif bagi menghasilkan ubat-ubatan yang berkesan mengubati penyakit itu. "Ia bertujuan supaya negara mampu mengeluarkan sendiri ubat-ubatan bagi penyakit kanser.

"Jika kita dapat mengeluarkan sendiri ubat-ubatan itu, kita boleh menjualnya pada harga yang lebih murah dan mampu dibeli oleh rakyat," katanya. Selain ubat-ubatan, universiti dan pusat penyelidikan perlu memberi tumpuan kepada kajian memperkenalkan rawatan yang lebih berkesan untuk merawat penyakit kanser.